

## BAB 2

### Latar belakang pembantu rumah Indonesia

#### 2.1. Latar belakang semasa di Indonesia.

##### 2.1.1 Suku kaum dan kampung/tempat asal.

Berdasarkan kajian, seramai 23 orang (46%) responden ialah dari kaum Bawean. Ini dikuti dengan orang Jawa iaitu 20 orang (40%), orang Minang (8%) dan Madura, (6%).

Kaum Bawean merupakan kaum majoriti kerana mungkin mereka lah bilangan yang teramai berada di negara ini khasnya di Kuala Lumpur. Bilangan mereka yang ramai di negara ini juga merupakan salah satu faktor yang mendorong kedatangan penghijrah-penghijrah baru yang dibawa oleh saudara-mara atau kenalan mereka yang telah menetap dan bekerja di Malaysia. Walaupun kaum Minang terkenal dengan gagasan merantaunya, namun dalam kajian ini bilangan yang menjadi pembantu rumah seramai 4 orang sahaja. Kemungkinan besar kenapa hal ini berlaku ialah kerana orang-orang Minang lebih tertumpu kepada bidang perniagaan.

Sebilangan besar responden (42%) berasal dari Pulau Bawean dan 40% dari Pulau Jawa, lain-lain responden datang dari Sumatera, Pulau Sumbawa, Kalimantan, Bali dan Pulau Madura. Keadaan ini boleh dilihat dalam jadual 2.1.

Jadual 2.1  
Kampung tempat asal responden di Indonesia

Kampung asal	Bilangan	Peratus
Pulau Bawean	21	42
Pulau Jawa	20	40
Sumatera	5	10
Pulau Sumbawa	1	2
Kalimantan	1	2
Bali	1	2
Pulau Madura	1	2
Jumlah	50	100

Apa yang nyata, keadaan geografi di Pulau Bawean dan Pulau Jawa seperti kepadatan penduduk, kekurangan tanah untuk pertanian, tanah yang tidak subur, kemarau dan banjir telah mendorong mereka untuk berhijrah.

#### 2.1.2 Tarikh datang ke Malaysia.

Penghijrahan orang-orang Indonesia ke Malaysia sepetimana yang diketahui, berlaku dengan pesat sejak tahun 1970an. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji menyokong fakta tersebut. Pembantu rumah yang dikaji mula datang sejak tahun 1977 sehingga sekarang. ( Lihat Jadual 2.2 ).

Jelas sekali kedatangan pembantu rumah Indonesia ini semakin meningkat selepas tahun 1988. Dalam tahun 1990, 13 orang responden telah berhijrah ke Malaysia. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak menunjukkan keadaan sebenar aliran migrasi dari Indonesia ke Malaysia kerana jumlah

responden yang terpilih dalam kajian ini hanyalah 50 orang sahaja.

Jadual 2.2  
Tarikh kedatangan responden ke Malaysia.

Tahun	Bilangan	Peratus
1977	3	6
1978	2	4
1979	2	4
1980	2	4
1981	1	2
1982	4	8
1983	1	2
1984	3	6
1985	1	2
1986	-	-
1987	1	2
1988	3	6
1989	5	10
1990	13	26
1991	9	18
Jumlah	50	100


Sumber kajian yang dilakukan oleh pengkaji ialah sehingga Julai 1991.

### 2.1.3 Sebab-sebab penghijrahan.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong seseorang itu berhijrah dari tempat asal ke tempat yang dituju. Faktor penolak dan penarik memainkan peranan penting dalam penghijrahan. Faktor penolak seperti taraf hidup yang rendah, kekurangan peluang pekerjaan, kemarau, banjir dan

# Rajah 1

## Tarikh kedatangan responden ke Malaysia



tekanan penduduk yang tinggi terhadap tanah di negara asal adalah di antara sebab-sebab mengapa seseorang itu berhijrah. Ini diikuti pula oleh faktor penarik seperti peluang pekerjaan yang lebih luas, pendapatan yang lebih tinggi dan taraf hidup yang lebih baik di tempat yang dituju.

Untuk mengetahui latar belakang pembantu rumah Indonesia ini, adalah penting bagi pengkaji mengetahui pekerjaan bapa mereka. Kajian ini mendapati bahawa hampir kesemua responden berasal dari keluarga miskin. Seramai 29 orang (58%) berasal dari keluarga petani, 7 (14%) orang berasal dari keluarga nelayan dan 6 orang responden lagi mempunyai bapa yang bekerja sebagai buruh. Terdapat juga bapa responden yang bekerja sebagai tukang kebun, tukang kapal dan guru. Jadual 2.3 menggambarkan keadaan ini.

Berdasarkan daripada jadual tersebut, jelas bahawa 98% responden adalah dari kalangan keluarga yang miskin. Hanya seorang sahaja adalah anak seorang guru. Pendapatan yang diterima oleh bapa mereka ini tidak cukup untuk menampung perbelanjaan harian keluarga mereka. Menurut salah seorang responden, pendapatan yang diterima adalah sekitar R1000 ke R2000 (\$1.40 - \$2.80) sehari atau R28,000 (\$40.00) sebulan

---

2. Kadar tukaran wang pada 27.8.1991, ialah 100 Rupiah = \$0.13 Malaysia.

bagi golongan petani, nelayan dan lain-lainnya melainkan pendapatan seorang guru, kira-kira R 35,000 (\$50.00) sebulan.

Jadual 2.3  
Pekerjaan yang masih atau telah dilakukan oleh bapa responden

Kategori pekerjaan	Bilangan	Peratus
Petani	29	58
Nelayan	7	14
Buruh	6	12
Pedagang	3	6
Tukang kayu	2	4
Tukang kebun	1	2
Tukang kapal	1	2
Guru	1	2
Jumlah	50	100

Nota : Terdapat responden yang bapanya sudah meninggal dunia.

Pekerjaan sebagai pembantu rumah biasanya dikaitkan dengan taraf pelajaran yang rendah. Dalam kajian ini, didapati 22% responden tidak pernah bersekolah, 70% pula pernah mendapat pendidikan di sekolah rendah (sekolah dasar) dan 8% lagi mendapat pendidikan di sekolah menengah. Kehidupan keluarga responden yang susah telah menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan persekolahan sehingga ke peringkat yang tinggi.

Pengetahuan tentang adik-beradik responden juga penting sebagai melihat faktor yang mendorong mereka untuk

berhijrah. Berdasarkan jadual 2.4 didapati bahawa 84% responden mempunyai jumlah adik-beradik yang ramai iaitu di antara 3 ke 8 orang. Malahan terdapat seorang responden yang mempunyai seramai 12 orang adik-beradik. Jadual 2.5 pula menunjukkan jumlah adik-beradik mereka yang masih bersekolah.

Daripada kajian, seramai 7 orang responden merupakan anak sulung, yang memikul tanggung jawab yang berat. Apatah lagi bagi salah seorang responden yang mempunyai 5 orang adik yang masih bersekolah daripada adik-beradiknya yang berjumlah seramai 6 orang. Oleh itu dapat dilihat tanggung jawabnya yang besar sebagai anak sulung dalam membantu keluarganya menyara hidup dan persekolahan adik-adiknya.

Jadual 2.4  
Jumlah adik-beradik responden

Jumlah adik-beradik	Bilangan	Peratus
1	2	4
2	1	2
3	8	16
4	8	16
5	6	12
6	9	18
7	5	10
8	6	12
9	-	6
10	1	2
11	-	-
12	1	2
Jumlah	50	100

Jadual 2.5

Jumlah adik-beradik responden yang masih bersekolah

Jumlah adik-beradik yang masih bersekolah	Bilangan	Peratus
-	28	56
1	9	18
2	5	10
3	6	12
4	1	2
5	1	2
Jumlah	50	100

Nota : Adik - beradik responden yang tidak bersekolah telahpun dewasa.

Daripada sejumlah 50 orang responden, 7 (14%) belum berkahwin, 29 (58%) sudah berkahwin manakala 14 (28%) sudah bercerai. Responden yang sudah berkahwin biasanya mengikut suami mereka untuk berhijrah ke Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat 2 orang responden yang mengikut suami mereka datang ke Malaysia tetapi kemudianya telah bercerai di negara ini. Salah seorang responden pula telah berkahwin dengan seorang pemuda Malaysia pada tahun 1983 iaitu dua tahun selepas kedatangannya ke negara ini.

Responden yang sudah berkahwin menyatakan bahawa mereka menjadi pembantu rumah disebabkan pendapatan suami yang kecil dan bilangan anak yang ramai. Oleh itu mereka mengambil keputusan untuk berhijrah ke sini atas dorongan

suami bagi mencari pendapatan yang lebih. Sikap suami yang tidak bertanggung jawab seperti suka berjudi dan mempunyai dua orang isteri turut menyebabkan dua orang pembantu rumah mengambil keputusan berhijrah dan mencari pekerjaan di negara ini.

Perceraian juga menyebabkan responden bertindak mencari nafkah untuk menyara hidup mereka sendiri tanpa mahu bergantung kepada keluarga di kampung. Walaupun anak-anak mereka berada di bawah jagaan keluarga di Indonesia, namun mereka tetap merasa bertanggung jawab untuk memberi nafkah kepada anak - anak yang masih kecil.

Keadaan ini ditambah pula dengan sikap suami yang tidak memperdulikan lagi kehidupan bekas isteri dan anak-anak mereka. Terdapat responden (10%) yang tidak mengetahui langsung di mana bekas suami mereka berada sekarang dan apakah pekerjaan bekas suami mereka itu.

Jadual 2.6 menunjukkan sebab-sebab mengapa pembantu rumah Indonesia berhijrah ke Malaysia. Jelas sekali bahawa faktor penolak seperti kesusahan hidup yang dialami semasa tinggal di kampung asal dan pendapatan keluarga yang amat sedikit mendorong responden berhijrah. Taraf pekerjaan bapa, taraf pendidikan responden, jumlah ahli keluarga yang ramai serta taraf perkahwinan sedikit-sebanyak mempengaruhi responden untuk berhijrah.

Jadual 2.6  
Sebab-sebab yang mendorong responden berhijrah ke Malaysia

Sebab-sebab penghijrahan	Bilangan	Peratus
Mencari pendapatan yang lebih tinggi	31	62
Mengikut suami	7	14
Mencari pengalaman kerja di Malaysia	3	6
Mengikut ibu/bapa	1	2
Ibu bapa/saudara-mara ada di Malaysia	3	6
Menyara hidup keluarga	3	6
Bosan tinggal di rumah	1	2
Mengelakkan dari perkahwinan	1	2
Jumlah	50	100

Responden berhijrah untuk mencari pekerjaan dan mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi sebagai salah satu cara menyara keluarga mereka. Seramai 31 (62%) responden menyatakan penghijrahan mereka adalah dengan tujuan untuk mencari pendapatan yang lebih tinggi di negara ini selepas gagal berbuat demikian di negara asal mereka. 7 orang responden pula mengikut suami mereka ke Malaysia. Keadaan ini biasa berlaku di mana-mana jua. Penghijrahan seperti ini dikenali sebagai penghijrahan berantai. Para suami biasanya telahpun datang ke Malaysia lebih awal dan bekerja di sini. Apabila kedudukan ekonomi mereka bertambah baik, mereka membawa bersama isteri dan anak-anak mereka berhijrah ke negara ini.

Terdapat juga responden yang mengikut ibu bapa atau saudara mara mereka datang berhijrah ke Malaysia.

Pendapatan berkait rapat dengan keinginan responden untuk berhijrah. Peluang-peluang pekerjaan yang diberikan kepada mereka merupakan daya penarik bagi responden. Tambahan pula terdapat banyak iklan yang disiarkan di dalam akhbar tempatan yang menghendaki pembantu rumah. Kesukaran untuk mendapat pembantu rumah tempatan telah mendorong majikan untuk mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah dari Indonesia.

Selain daripada sebab-sebab di atas, terdapat juga faktor lain seperti kebosanan untuk terus berada di rumah tanpa melakukan sebarang pekerjaan. Jika responden cuba mencari pekerjaan di kampung asalnya di Indonesia, pendapatan yang akan diterimanya nanti amat sedikit. Oleh itu responden mengambil keputusan untuk datang ke Malaysia. Keengganan untuk berkahwin dengan pemuda pilihan keluarganya telah menyebabkan seorang responden melarikan diri ke Malaysia. Menurutnya, ketika itu beliau baru sahaja berusia 15 tahun, jadi untuk mengelakkan perkahwinan tersebut, beliau mengikut kawan-kawannya datang berhijrah ke negara ini di samping mencari pekerjaan bagi menyara hidupnya di sini.

#### 2.1.4 Cara datang ke Malaysia.

Kajian ini menunjukkan ada dua cara bagaimana responden berhijrah iaitu secara langsung dan secara bertahap-tahap. Responden yang berhijrah secara langsung ialah responden yang datang terus ke tempat tujuannya manakala responden yang datang secara bertahap-tahap, berhijrah dari satu tempat ke satu tempat sebelum tiba ke tempat tujuannya. Jadual 2.7 dapat menunjukkan kedatangan mereka dengan lebih jelas.

Berdasarkan jadual 2.7, seramai 14 (28%) responden datang ke Malaysia dengan menaiki kapal terbang. Sembilan orang dari mereka mendarat di Lapangan Terbang Subang, Kuala Lumpur manakala lima orang lagi mendarat di Singapura (lihat jadual 2.8). Mereka mengistilahkan perjalanan dengan kapal terbang sebagai "jalan atas" iaitu mengikut perjalanan yang sah dan dikategorikan sebagai penghijrahan secara terus. Responden yang datang dengan kapal terbang biasanya datang pada pertengahan tahun 1970an dan awal tahun 1980an.

Jadual 2.7  
Cara datang ke Malaysia

Taraf kemasukan	Pengangkutan yang digunakan	Bilangan (%)
Sah	Kapal terbang	14 ( 28 )
Tidak sah	Kapal laut	13 ( 26 )
	Tongkang/Sampan	18 ( 36 )
	Feri	5 ( 10 )
Jumlah		50 ( 100 )

Manakala " jalan bawah " atau " jalan belakang " diberikan bagi yang datang secara tidak sah iaitu dengan menaiki kapal laut, feri, tongkang atau sampan. Penghijrah yang datang secara haram ini adalah mereka yang memasuki sesebuah negara tanpa dokumen perjalanan yang sah. Mereka dikenali sebagai " pendatang haram " atau " pendatang tanpa izin ".

Dua belas orang dari seramai tiga belas orang responden yang datang dengan menaiki kapal laut mendarat di Johor, Melaka dan Singapura. Mereka kemudiannya menaiki bas menuju ke Kuala Lumpur. Bagi responden yang mendarat di Singapura pula, mereka kemudiannya menaiki jenis pengangkutan seperti feri, kapal laut, keretapi, tongkang

atau sampan menuju ke Johor, Melaka dan Kuala Lumpur.

### 2.1.5 Tempat mendarat.

Sebilangan besar responden ( 52% ) mendarat di Johor iaitu di Batu Pahat, Muar dan Pontian, 22% lagi mendarat di Singapura. Tempat-tempat ini menjadi perhatian responden kerana kedudukannya yang berdekatan dengan Kepulauan Indonesia berbanding dengan Melaka dan Kuala Lumpur. Jadual 2.8 menunjukkan tempat mendarat bagi kesemua responden yang datang berhijrah ke Malaysia.

Jadual 2.8  
Tempat mendarat bagi pembantu rumah Indonesia

Kategori	Tempat mendarat	Bilangan	Peratus
Pendatang yang sah	Lapangan Terbang Subang	9	18
Pendatang tanpa izin	Pelabuhan Kelang	1	2
	Melaka	3	6
	Johor	26	52
	Singapura	11	22
Jumlah		50	100

Didapati bahawa selepas tahun 1980an, responden memasuki Malaysia secara " jalan belakang ". Bagi mereka yang datang dengan tongkang, sampan, feri atau kapal laut,  
<sup>3</sup> terdapat satu sindiket bot haram yang diketuai oleh tekong

atau calo untuk membawa mereka masuk ke Malaysia. Perjalanan secara ini dikenali sebagai penghijrahan masuk secara bertahap-tahap.

Tekong ini biasanya merupakan orang yang dikenali oleh responden semasa di kampung. Beliau bertanggung jawab membawa pembantu-pembantu rumah ini memasuki Malaysia secara haram. Sebuah kapal atau tongkang yang dibawanya biasanya boleh memuatkan kira-kira 70 orang. Bayaran yang dikenakan pula ialah di antara 300 ribu hingga 490 ribu Rupiah ( \$ 430 - \$ 700 ). Wang ini biasanya dibayar secara tunai atau hutang. Jika berhutang, maka pembantu rumah ini akan memberikan sejumlah wang dari pendapatan mereka kepada tekong sebagai membayar hutang sehinggalah hutang mereka itu selesai dibayar.

Untuk mengetahui dengan lanjut pengalaman pembantu rumah ini, disertakan berikutnya kes Responden A dan Responden B.

#### Kes Responden A

---

Responden A berumur 24 tahun, berasal dari Sumatera Barat dan telah berhijrah ke Malaysia pada tahun 1989. Beliau telah menaiki kapal laut untuk sampai ke sini. Perjalannya ialah dari Bukit Tinggi ke Tanjung Balai dan

---

2. Istilah yang digunakan di Indonesia ( Darul Amin Manaf, 1989:52 )

kemudiannya ke Pontian. Untuk itu, Responden A terpaksa membayar sebanyak 200,000 Rupiah (\$ 300) kepada tekong. Tekong tersebut merupakan seorang Indonesia yang tinggal di Tanjung Balai. A datang bersama-sama kakaknya yang juga seorang pembantu rumah dan kini tinggal di Selayang Baru. Wang untuk membayar tambang diberikan oleh ayah mereka. Kakak A kemudiannya telah membawanya ke Selayang untuk bekerja di sebuah kilang membuat sarung tangan di Selayang Indah sebelum bekerja sebagai pembantu rumah. Beliau bekerja di sana selama 8 bulan dan berhenti bekerja selepas ditahan oleh pihak polis kerana tidak memiliki kad pengenalan. A mendakwa beliau terpaksa membayar sebanyak \$190 kepada tiga orang anggota polis untuk melepaskan diri dari tahanan.

Ini merupakan satu contoh bagaimana penghijrahan secara bertahap-tahap dilakukan. Terdapat juga responden yang terpaksa bertukar-tukar pengangkutan, misalnya Responden B.


#### Kes Responden B

---

Responden B berasal dari Jawa dan baru 8 bulan berada di Malaysia. Beliau telah menaiki bas dari Jawa ke Medan. Kemudian beliau menaiki feri dari Medan untuk ke Johor dan dikehendaki membayar sebanyak \$750, tetapi telah berhutang. Setelah itu beliau menaiki lori untuk sampai ke Kuala Lumpur. Tambang sebanyak \$750 itu telah dibayar oleh majikannya dengan memotong gaji bulanannya selama tiga bulan.


#### 2.1.6 Umur.

Berdasarkan kajian, terdapat 6 orang responden yang berumur di antara 15 ke 20 tahun, 37 orang berusia di antara



Peta 2

Aliran Penghijrahan Pembantu Rumah Indonesia Ke Malaysia



21 ke 40 tahun dan 7 orang lagi berumur di antara 41 ke 70 tahun. Jadual 2.9 menunjukkan kategori umur responden semasa ditemuramah. Manakala jadual 2.10 pula menunjukkan kategori umur responden semasa berhijrah ke Malaysia. Berdasarkan jadual 2.9 didapati bahawa responden yang paling muda berusia 15 tahun. Beliau datang ke Malaysia pada tahun 1989 bersama-sama dengan ibu saudaranya.

Menurutnya, tujuan utama beliau datang ke Malaysia ialah untuk mencari rezeki bagi membantu keluarganya di kampung. Manakala responden yang berusia 70 tahun tersebut telahpun berada di Malaysia selama 11 tahun dan beliau mendapat pekerjaan sebagai pembantu rumah ketika berusia 65 tahun. Beliau mengikut suaminya datang ke sini. Majoriti ( 74% ) dari responden yang bekerja sebagai pembantu rumah berusia dalam lingkungan umur 15 - 35 tahun.

Jadual 2.10 pula menunjukkan sebilangan besar responden ( 26% ) berhijrah dalam lingkungan usia 16 - 20 tahun sementara 22% lagi berhijrah dalam lingkungan usia 21 ke 25 tahun. Terdapat sebanyak 30% responden yang berhijrah ketika berusia di antara 26 ke 35 tahun. Fakta ini menyokong pendapat McGee ( 1982:107 ) yang menyatakan bahawa migrasi cenderung dilakukan oleh belia yang berusia di antara 15 ke 35 tahun.

Jadual 2.9  
Kategori umur responden (1991)

Kategori umur (tahun)	Bilangan	Peratus
Kurang dari 10	-	-
11 - 15	1	2
16 - 20	5	10
21 - 25	9	18
26 - 30	14	28
31 - 35	9	18
36 - 40	5	10
41 - 45	5	10
46 - 50	1	2
Lebih dari 50	1	2
Jumlah	50	100

Jadual 2.10  
Kategori umur responden semasa datang ke Malaysia

Kategori umur (tahun)	Bilangan	Peratus
Kurang dari 10	1	2
11 - 15	3	6
16 - 20	13	26
21 - 25	11	22
26 - 30	9	18
31 - 35	6	12
36 - 40	3	6
41 - 45	2	4
46 - 50	1	2
51 - 55	-	-
56 - 60	1	2
Jumlah	50	100

Mereka yang berhijrah buat pertama kali biasanya adalah yang masih muda. Ini kerana mereka berharap akan mendapat

pendapatan yang tinggi semasa mereka masih muda dan tenaga mereka diperlukan, di samping beban tanggung jawab mereka terhadap keluarga.

#### 2.1.7 Pengalaman kerja yang lampau di Indonesia.

Daripada 50 orang responden yang dikaji, 25 darinya mempunyai pengalaman bekerja di Indonesia ( lihat jadual 2.11 ).

Jadual 2.11  
Pengalaman bekerja semasa di Indonesia

Jenis pekerjaan	Pendapatan sebulan (R)	Bilangan	Peratus
Tidak bekerja	-	23	46
Pelajar	-	2	4
Pembantu rumah	2,000 - 100,000	7	14
Buruh	280,000	1	2
Bertani	1,400 - 14,000	8	16
Berniaga	1,000 - 150,000	5	10
Mencuci pakaian	100,000 - 105,000	2	4
Tukang jahit	10,000 - 50,000	2	4
Jumlah		50	100

Responden yang tidak bekerja, menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Seorang responden yang pernah bekerja sebagai pembantu rumah di Indonesia, pernah juga sebelum itu bekerja di sebuah kilang pakaian di Jakarta dengan pendapatan sebanyak 8,000 rupiah. Responden yang pernah berniaga pula menjual ikan atau barang dagangan yang lain. Boleh dikatakan, pendapatan bulanan yang mereka terima di

Indonesia adalah rendah iaitu sekitar 1,000 - 280,000 Rupiah ( \$ 1.40 - \$ 400.00 ).

Daripada kesemua responden yang pernah bekerja, terdapat pelbagai sebab yang mereka berikan apabila ditanya mengapa mereka berhenti bekerja. Pendapatan yang sedikit menyebabkan 10 orang responden mengambil keputusan berhenti bekerja. Manakala 2 orang responden yang pernah bekerja sebagai pembantu rumah pula menyatakan mereka merasa bosan dengan pekerjaan mereka kerana suasana di rumah majikan yang sunyi tanpa anak-anak.

Keinginan untuk berhijrah ke Malaysia telah mendorong 11 orang responden untuk berhenti dari pekerjaan mereka. Mereka berhijrah ke negara ini sama ada dengan mengikut suami, keluarga, kawan-kawan atau telahpun mempunyai saudara-mara mereka di sini. Seorang responden pula terpaksa berhenti bekerja apabila beliau hamil dan melahirkan anaknya. Beberapa lama kemudian, beliau mengikut suaminya berhijrah ke Malaysia. Seorang responden yang pernah bekerja sebagai pembantu rumah membuat keputusan berhenti kerja kerana sikap majikannya yang garang dan cerewet.

2.2 Latarbelakang pembantu rumah Indonesia setelah sampai ke Malaysia.

2.2.1. Tempoh kerja dan cara mendapatkan pekerjaan di Malaysia.

Tempoh kerja di antara pembantu rumah ini adalah berbeza-beza. Terdapat beberapa orang responden yang sudah lama bekerja sebagai pembantu rumah sementara yang lainnya baru setahun atau beberapa bulan sahaja mendapat kerja (lihat jadual 2.12).

Jadual 2.12  
Tarikh mendapat pekerjaan sebagai pembantu rumah

Tahun	Bilangan	Peratus
1982	2	4
1983	-	-
1984	-	-
1985	1	2
1986	1	2
1987	4	8
1988	1	2
1989	11	22
1990	15	30
1991	15	30
Jumlah	50	100

Jadual 2.12, menunjukkan sebilangan besar wanita Indonesia mula bekerja sebagai pembantu rumah mulai 1989. Terdapat 2 responden yang pernah bekerja sebagai pembantu

rumah selama 9 tahun. Mereka berpendapat hubungan yang baik dengan majikanlah yang dapat mengekalkan pekerjaan mereka. Seorang responden pula sudah bekerja selama empat tahun dan diberi kepercayaan penuh oleh majikannya.

Peningkatan jumlah pembantu rumah Indonesia bermula selepas tahun 1988 berikutan permintaan yang tinggi dari para majikan. Hasilnya, semakin ramai wanita Indonesia yang datang berhijrah ke negara ini mengikut suami atau saudara-mara.

#### 2.2.2 Cara mendapat pekerjaan.

Terdapat pelbagai cara bagaimana wanita-wanita Indonesia ini mendapat pekerjaan sebagai pembantu rumah. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan Jadual 2.13.

Jadual 2.13  
Cara mendapat pekerjaan

Cara mendapat kerja	Bilangan	Peratus
Melalui saudara-mara	7	14
Melalui kenalan	21	42
Melalui iklan	-	-
Melalui agen	8	16
4		
Lain-lain	14	28
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

4. Majikan/saudara-mara majikan/kenalan majikan sendiri yang datang ke rumah responden dan menawarkan kerja.

Jadual tersebut menunjukkan seramai 7 responden mendapat pekerjaan dengan bantuan dari saudara-mara mereka. Ini biasa terjadi apabila saudara-mara mereka sendiri bekerja sebagai pembantu rumah. Apabila terdapat saudara-mara, rakan-rakan atau jiran kepada majikan mereka berkehendakkan seorang pembantu rumah, maka mereka akan menawarkan saudara-mara mereka untuk bekerja.

Seramai 21 orang responden yang mendapat pekerjaan dari kenalan mereka. Kenalan mereka ini juga biasanya telahpun bekerja sebagai pembantu rumah. Ada juga kenalan yang sekampung dengan mereka yang memperkenalkan responden kepada majikan. Responden C misalnya, mendapat pekerjaan sebagai pembantu rumah melalui rakannya. Apabila rakannya itu pulang ke kampung, beliau telah menyatakan kepada C bahawa terdapat seorang majikan yang mahukan perkhidmatan seorang pembantu rumah dari Indonesia. Rakannya itulah yang membawanya berhijrah ke Malaysia. Mereka tinggal bersama-sama di sebuah rumah sewa di Kg. Bumiputra.

Iklan tidak memainkan peranan penting dalam membekalkan pekerjaan kepada responden. Apatah lagi terdapat 12 responden yang tidak tahu membaca dan menulis. Malahan terdapat majikan yang mengiklankan pekerjaan sebagai pembantu rumah di akhbar, mendapat pekerja mereka melalui agen atau orang tengah. Majikan juga mendapat pembantu

rumah melalui saudara-mara atau kenalan jika iklan tersebut tidak mendapat sambutan. Seramai 8 orang responden mendapat pekerjaan mereka melalui agen.

Agen ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu agen dari Indonesia dan yang terdapat di Malaysia. Mereka memang telah mengetahui adanya peluang pekerjaan di negara ini dan mereka berusaha mencarikan pekerjaan kepada penghijrah Indonesia ini.

Seramai 6 orang responden yang mendapat pekerjaan melalui agen, terus mendapat pekerjaan mereka sebaik sahaja sampai ke Malaysia. Seorang responden mendapat pekerjaan selepas sepuluh hari berada di Malaysia manakala seorang lagi responden terpaksa menunggu selama satu bulan untuk bekerja.

Agen-agen ini menuntut bayaran daripada responden atas usaha mereka mendapatkan pekerjaan kepada responden. Bayaran yang dikenakan adalah daripada \$50.00 kepada \$1050.00. Bayaran yang amat tinggi ini menyebabkan responden terpaksa berhutang. Kadangkala, wang dari pendapatan mereka digunakan untuk membayar hutang kepada agen. Keadaan ini berlaku kepada responden D. Beliau mengenali agen tersebut yang kebetulan sekampung dengannya. Agen tersebutlah yang membawanya ke Malaysia seterusnya mengenalkan beliau kepada majikan. Responden D dikenakan

bayaran sebanyak \$750 sebagai ganjaran kepada agen yang mendapatkannya pekerjaan. Wang sebanyak \$750 itu dibayar secara potongan gaji iaitu \$250 selama 3 bulan. Wang tersebut telah dibayar oleh majikannya kepada agen tersebut. Responden E pula dikenakan bayaran yang lebih tinggi iaitu sebanyak \$1050 kerana termasuk kos membawanya masuk secara haram ke Malaysia. Beliau dikehendaki membayar sebanyak \$300 setiap bulan.

Agen-agen ini boleh didapati di sekitar kawasan Ampang, Kg. Berembang dan Kg. Pandan, Kuala Lumpur dan di Kg.Sg.Kayu Ara, Petaling Jaya. Malahan terdapat agen Indonesia yang memberikan perlindungan kepada pembantu rumah dengan memberinya tempat tinggal. Apabila responden D diberi cuti setiap 3 bulan sekali, beliau akan <sup>5</sup> pulang ke rumah tersebut yang dikenali sebagai "kongsi".

Seramai 14 responden lagi mendapat kerja dengan cara majikan sendiri yang datang ke rumah responden (di Malaysia). Ada juga saudara-mara atau kenalan majikan yang turut membantu majikan mendapatkan pembantu rumah.

#### 2.2.3 Kategori pekerjaan : Sepenuh masa dan sambilan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, seramai

- 5. Istilah yang digunakan terhadap rumah yang diduduki beramai-ramai dan ditanggung oleh tekong.

35 orang responden bekerja sebagai pembantu rumah sepenuh masa. Mereka tinggal bersama majikan dan diberi cuti pada hujung minggu untuk pulang ke rumah masing-masing. Terdapat juga pembantu rumah sepenuh masa yang tidak mempunyai rumah yang lain selain dari rumah majikan mereka. Ini biasa terjadi jika responden dibawa ke sini oleh agen dan tidak mempunyai saudara-mara.

Lima belas responden lagi bekerja secara sambilan. Biasanya mereka bekerja dalam jangkamasa yang tidak lama iaitu antara 2 hingga 7 jam dan akan pulang ke rumah selepas tamat tempoh waktu bekerja. Responden ini biasanya mempunyai anak yang masih kecil, yang masih memerlukan penjagaan dari ibu bapa.

#### 2.2.4 Sebab-sebab memilih pekerjaan sebagai pembantu rumah.

Pekerjaan sebagai pembantu rumah sering dianggap mudah didapati kerana ia tidak memerlukan kemahiran dan pengalaman yang tertentu. Seperti yang telah diuraikan dalam Bab 2, pekerjaan sebagai pembantu rumah di luar negeri juga dapat menjamin pendapatan yang lebih lumayan berbanding dengan negara asal.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, 34 responden (68%) menyatakan mereka memilih pekerjaan sebagai pembantu rumah kerana pekerjaannya mudah ( lihat Jadual 2.14 ).

Jadual 2.14

Sebab-sebab memilih pekerjaan sebagai pembantu rumah

Sebab-sebab	Bilangan	Peratus
Lebih selamat	2	4
Mudah	34	68
Membantu suami	2	4
Suami tidak membenarkan membuat pekerjaan lain	1	2
Mencari pengalaman	2	4
Tidak mendapat pekerjaan lain	7	14
Mencari rezeki	2	4
Jumlah	50	100

Apa yang dimaksudkan ialah pekerjaannya tidak berat tetapi gajinya dianggap lumayan. Apatah lagi bagi responden yang mempunyai anak, mereka dapat pulang ke rumah lebih awal untuk menjaga anak mereka. Ini kerana masa bekerja adalah singkat, biasanya tidak lebih dari 7 jam sehari dan mereka tidak tinggal bersama majikan ( bagi yang bekerja separuh masa ). Bagi responden yang tinggal bersama majikan pula, mereka tidak perlu keluar dan tinggal di dalam rumah majikan sahaja.

Tujuh orang responden mengatakan mereka tidak dapat mencari pekerjaan lain yang sesuai dengan kelulusan mereka. Tambahan pula jika mereka mahu berniaga, mereka harus mempunyai modal. Mereka juga tidak tahu membuat pekerjaan yang lain selain dari menjadi pembantu rumah.

Lain-lain responden pula menyatakan mereka merasa lebih selamat jika bekerja sebagai pembantu rumah kerana dilindungi oleh majikan, tambahan pula mereka tidak mempunyai permit kerja. Selain dari itu, responden memilih pekerjaan tersebut sebagai satu cara membantu suami menambah pendapatan dan mencari rezeki di samping menambah pengalaman.

#### 2.2.5 Tempat tinggal di Malaysia.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kebanyakan responden datang ke Malaysia sama ada dengan mengikut suami, ibu bapa atau saudara-mara. Selebihnya datang dengan rakan-rakan atau dibawa oleh agen. Jadual 2.15 menunjukkan kediaman responden di Malaysia.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, seramai 44 responden mempunyai tempat tinggal yang tetap iaitu rumah sendiri atau disewa dan dua daripadanya tinggal di kongsi. Enam orang responden tiada tempat tinggal yang tetap di negara ini dan tinggal bersama majikan masing-masing.

Daripada kesemua 44 responden ini, hanya 12 orang sahaja yang tinggal di rumah sewa. Kadar sewa yang dibayar adalah di antara \$50 hingga \$250 sebulan. Seorang sahaja yang dikenakan membayar bil air sebanyak \$5 sebulan.

Jadual 2.15  
Tempat tinggal responden di Malaysia

Tempat	Bilangan		Peratus
	Rumah	sendiri	
Kg. Sg. Kayu Ara	13	-	26
Taman Keramat	10	-	20
Ampang	6	2	16
Kg. Pandan	3	-	6
Petaling Jaya	1	1	4
Subang Jaya	-	2	4
Kg. Bukit Permai	2	-	4
Kg. Berembang	2	-	4
Kg. Bumiputra	1	-	2
Rawang	1	-	2
Segambut	1	-	2
Cheras	-	1	2
Selayang	1	-	2
Sg. Besi	1	-	2
Kg. Bharu	1	-	2
Gombak	1	-	2
Jumlah	44	6	100

Sementara 32 orang lagi tinggal di rumah sendiri dan kebanyakannya tinggal di Kg. Sg. Kayu Ara serta Taman Keramat. 6 orang responden lagi tinggal bersama majikan mereka. Dua orang daripadanya tinggal di Ampang, seorang di Petaling Jaya bersama majikannya yang berbangsa India, seorang responden tinggal di Cheras manakala dua orang lagi tinggal di Subang Jaya. Mereka tinggal bersama majikan kerana baru sahaja tiba di Malaysia dan tidak mempunyai saudara-mara di sini.

2.6 Pengalaman kerja yang lampau semasa di Malaysia dan sebab-sebab berhenti.

Terdapat seramai 24 orang responden yang pernah bekerja di negara ini sebelum bekerja dengan majikan sekarang (lihat jadual 2.16). Seramai 21 orang pernah bekerja sebagai pembantu rumah di beberapa kawasan seperti Taman Melawati, Taman Tun Dr. Ismail, Ampang, Damansara, Puchong dan Gombak.

Jadual 2.16  
Pengalaman kerja sebelum menjawat pekerjaan sekarang

Jenis pekerjaan	Pendapatan ( sebulan )	Tempoh bekerja	Bilangan	Peratus
Pembantu rumah	\$60 - \$350	1 bulan - 12 tahun	18	36
Pembantu kedai/ restoran/kantin	\$50 - \$300	1 bulan - 2 tahun	3	6
Pekerja kilang	\$260	8 bulan	1	2
Tukang sapu	\$160 - \$200	3 bulan - 3 tahun	2	4
	Jumlah		24	48

6. Ketiga-tiganya pernah bekerja sebagai pembantu rumah selepas itu.

Seperti yang telah dijelaskan di awal tadi, seorang responden pernah bekerja di sebuah kilang membuat sarung tangan selama 8 bulan. Beliau berhenti selepas pihak polis datang memeriksa kilang tersebut. Beliau mendakwa terpaksa membayar sebanyak \$190 untuk melepaskan dirinya kerana tidak mempunyai kad pengenalan. Responden yang bekerja di restoran atau kantin pula berhenti bekerja kerana pekerjaan tersebut dianggap berat dan pendapatannya sedikit iaitu di antara \$150 - \$300 sebulan. Mereka yang pernah bekerja sebagai tukang sapu pula berhenti kerana melahirkan anak.

Terdapat beberapa sebab mengapa responden berhenti dari menjadi pembantu rumah dan bertukar majikan. Jadual 2.17 pula menunjukkan pengalaman responden bertukar majikan.

Jadual 2.17  
Pengalaman bertukar majikan

Pengalaman bertukar majikan	Bilangan	Peratus
Tiada	29	58
Sekali	15	30
2 kali	2	4
3 kali	2	4
4 kali	1	2
5 kali	1	2
Jumlah	50	100

Pengalaman bertukar majikan ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Ini berkait rapat dengan sikap majikan,

jumlah gaji, keselesaan bekerja dan berbagai-bagai lagi yang mempengaruhi taat-setia seseorang pembantu rumah. Pembantu rumah misalnya jarang dibawa bersiar-siar oleh majikan dan hanya berada di sekitar rumah majikan sahaja. Keadaan ini boleh menimbulkan rasa jemu di hati pembantu rumah. Kesukaran memohon cuti juga menyebabkan pembantu rumah enggan bekerja dengan seseorang majikan dalam tempoh yang panjang. Keadaan ini adalah bersamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Roslina Mohd. Hassan (1988 : 46).

Pendapatan boleh mempengaruhi seseorang pekerja. Menurut responden yang pernah bekerja 2 hingga 3 kali seminggu atau 2 hingga 3 jam sehari, mereka menerima di antara \$60 - \$160 sebulan. Mereka menyatakan bahawa pendapatan yang tidak cukup itu menyebabkan mereka berhenti kerja dan bertukar majikan. Seorang responden menyatakan, dengan majikan pertama, beliau menerima sebanyak \$200 sebulan, majikan kedua membayarnya \$250 sebulan dan kini pendapatannya ialah \$300 sebulan.

Seramai 5 orang responden menyatakan bahawa sikap majikan mereka yang garang dan cerewet telah menyebabkan mereka mencari majikan baru. 2 orang responden pula kerap lambat menerima gaji dan salah seorang dari mereka tidak dibayar gaji selama 5 bulan setelah 10 bulan bekerja. Majikan berbangsa asing turut mempengaruhi seorang responden

untuk bertukar majikan. Menurutnya, beliau tidak mahu memasak makanan yang haram untuk majikannya yang berbangsa Cina. Seorang responden lagi menyatakan majikan lamanya cerewet dan terlalu banyak beban kerja yang diberikan padanya. Beliau merasa letih dan tidak sanggup lagi meneruskan pekerjaannya. Manakala bagi tiga orang responden lagi, bertukar majikan kerana majikan mereka pulang ke kampung/negara asal atau berpindah. Salah seorang responden pernah bekerja selama 12 tahun bersama seorang majikan berbangsa Australia, beliau berhenti kerja apabila majikannya pulang ke negara asalnya.

Walau bagaimanapun, terdapat juga faktor-faktor yang disebabkan oleh responden sendiri yang menyebabkan mereka berhenti kerja. Seorang responden menyatakan beliau berhenti bekerja kerana tiada sesiapapun yang boleh diharapkan untuk menjaga anaknya yang masih kecil. Setelah anaknya besar sedikit, barulah beliau bekerja semula. Seorang lagi responden sakit semasa bekerja, oleh itu beliau terpaksa berhenti. Setelah sembuh, beliau bekerja dengan majikan baru.

Di samping itu ada pula responden yang merasa sunyi dan bosan bekerja di rumah majikan lamanya kerana tiada anak kecil di rumah tersebut lalu mengambil keputusan berhenti bekerja.

Tiga orang responden berhenti bekerja kerana melahirkan anak. Dua orang responden pula berhenti kerja kerana pulang ke kampung asal di Indonesia. Oleh kerana mereka tidak menyatakan kepada majikan berapa lama mereka berada di sana, maka majikan bertindak mencari pembantu rumah yang baru. Seramai 29 responden tidak pernah bertukar majikan kerana mereka baru tiba ke negara ini dan baru beberapa bulan bekerja.